

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. USTAZ DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 9 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kutipan tol di LPT2 sejak ia dikuatkuasakan dan jelaskan penyelenggaraan atau pembangunan yang dilaksanakan hasil daripada kutipan tol tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dari tarikh kuat kuasa kutipan tol pada 15 Julai 2016 hingga 31 Disember 2016 ialah sebanyak RM40.5 juta. Sebahagian besar daripada hasil kutipan tol itu dibelanjakan bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan (O&M) lebuh raya berkenaan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi LPT2 Sdn Bhd..

Di samping menampung kos rutin O&M setiap bulan, hasil kutipan tol itu turut digunakan oleh syarikat konsesi terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan utama ('major repairs work') di LPT2 seperti berikut:

- Membaiki struktur 'pavemen' atau permukaan jalan yang rosak dan beralun di 16 lokasi – melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 20,285 meter;
- Membaiki pagar-pagar rezab lebuhraya yang telah dirosakkan/diceroboh – melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 20,153 meter;
- Membaiki struktur cerun melibatkan 16 lokasi keseluruhan; dan
- Membaiki dan naik taraf tandas dan surau di kesemua kawasan R&R lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi kawal selia lebuh raya sentiasa memantau dan memastikan semua kerja penyelenggaraan lebuh raya dilaksanakan oleh syarikat konsesi itu mengikut tempoh masa dan piawaian yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Di samping itu – bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di LPT2 – langkah-langkah intervensi yang bersesuaian turut dilaksanakan oleh kementerian ini dengan kerjasama dari pelbagai agensi yang terlibat.

Sekian, Terima Kasih.